

PM: Kita serius tangani penyeludupan manusia

KUALA LUMPUR 14 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan sangat serius dalam menangani penyeludupan manusia apabila memperkenalkan Rang Undang-Undang Anti Pamerdagangan Orang 2007.

Menurut beliau, rang undang-undang yang bakal memperuntukkan hukuman berat terhadap pesalah kegiatan itu diharap dapat diluluskan dalam sesi persidangan Parlimen akan datang bermula 18 Jun ini.

"Kita akan lakukan apa yang kita mampu. Penyeludupan manusia merupakan masalah dunia ia perlu dibanteras," kata beliau.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar Persidangan Kementerian Kesihatan OIC - KL 2007 di sini hari ini.

Abdullah mengulas laporan tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat *Trafficking in Persons Report* yang menyenaraikan Malaysia dan 16 negara lain kerana didakwa tidak melakukan tindakan sewajarnya bagi menangani masalah penyeludupan manusia.

Mengikut laporan itu, Kuala Lumpur dipetik sebagai 'gagal menunjukkan tindakan yang memuaskan' dalam beberapa perkara seperti hukuman terhadap pesalah, penyediaan perlindungan yang mencukupi dan perkhidma-

tan sosial yang sewajarnya kepada mangsa, serta melindungi pekerja asing daripada perhambaan secara paksa.

Laporan itu juga meletakkan Malaysia di tahap ketiga (Tier 3) sebagai negara penyeludup manusia.

Semalam, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar menyangkal dakwaan bahawa kerajaan tidak melakukan tindakan sewajarnya untuk mengatasi masalah penyeludupan manusia.

Syed Hamid bagaimanapun mengakui bahawa undang-undang Malaysia pada masa ini tidak mematuhi perbincangan antara penyeludupan manusia dan pendatang tanpa izin.

Mengulas lanjut, Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, rang undang-undang Anti Pamerdagangan Orang 2007 itu akan mengenakan hukuman yang keras terhadap pesalah kesalahan tersebut.

Jelasnya, Parlimen akan meluluskan undang-undang antipenyeludupan itu yang akan mengenakan hukuman penjara selama 20 tahun terhadap pesalah selain denda.

Mengenai langkah Malaysia untuk mendahului usaha mengeluarkan vaksin halal bagi manfaat negara-negara Islam, Abdullah berkata, Malaysia tidak berhasrat menjadi pemimpin dalam bidang



ABDULLAH Ahmad Badawi tertarik dengan sistem X-ray digital tiga dimensi yang dipamerkan oleh Pengarah I-Science International Sdn. Bhd., Sulaiman Mokhtar (kiri) sambil diperhatikan Chua Soi Lek (kanan) semasa melawat gerai pameran pada Persidangan Kementerian Kesihatan OIC-KL di Petaling Jaya, semalam.

tersebut.

Ini kerana, menurutnya, negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang lain boleh mengeluarkan vaksin

yang sama apabila mereka berkemampuan berbuat demikian.

"Kita mengetuai sekarang bukan kerana kita mahu menjadi pemimpin (bidang ini), tetapi kerana kita

mempunyai kemudahan untuk melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan untuk menggalakkan penggunaan vaksin halal," kata beliau.